

Jangan gadai nikmat hidup berkeluarga

MANUSIA secara fitrah dicipta berpasang-pasangan. Apabila cinta mula bertasbih di dalam hati, tangan yang satu tidak akan bertepuk tanpa tangan lain untuk membina mahligai kebahagiaan.

Begitupun, mencari cinta bukan perkara main-main yang boleh diangkat bersandarkan emosi atau desakan orang sekeliling semata-mata.

Manapun mungkin, pasangan yang mendirikan rumah tangga ingin mahligai dibina terhenti di pertengahan jalan apabila sudah berkorban masa, kewangan dan banyak lagi.

Bagaimanapun, sejajar perkembangan pemodenan hari ini, konsep berpasang-pasangan yang diperkatakan semakin menunjukkan kedangkan. Apa tidaknya pasangan sejenis semakin berani dalam menyuarakan atau memaparkan kemesraan mereka secara umum terutama melalui laman media sosial.

Sudah tidak punyai perasaan malu dalam menguaruarkan kemesraan mereka secara terang-terangan. Perbuatan mereka bukan sahaja menjelekkan tetapi boleh mengundang kecelaruan dalam kalangan kanak-kanak yang menjadikan platform media sosial sebagai ‘taman permainan’ mereka.

Mungkin, golongan ini terlupa bahawa kerosakan akhlak pasangan sejenis telah bermula sejak zaman Nabi Luth lagi. Peristiwa yang berlaku kepada kaum Sodom apabila dilaknat Allah berikutnya perbuatan berhubungan dengan kaum sejenis perlu dijadikan iktibar generasi hari ini.

Bahkan, ketegasan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) perlu diambil serius agar perkara ini tidak berlarutan sehingga menjelaskan sistem nilai di-



Di Sebalik
Isu Panas

Bersama NADZARUL
AMIR ZAINAL AZAM

negara ini.

Mahathir mengingatkan Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (Suhakam) bahawa Malaysia tidak boleh menerima semua perkara yang dianggap sebagai hak asasi manusia oleh Barat, termasuk perkahwinan sejenis.

Beliau menegaskan sistem nilai di negara ini tidak sama seperti sistem nilai di negara-negara Barat yang lebih bebas.

“Di Malaysia ada perkara-perkara tertentu yang kita tidak boleh terima walaupun sekiranya dianggap sebagai hak asasi manusia di negara Barat.

“Kita tidak boleh terima lesbia, gay, biseksual dan transgender (LGBT), perkahwinan antara lelaki dengan lelaki dan wanita dengan wanita,” katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Anti Rasuah di Perdana Putra, Putrajaya baru-baru ini.

Beliau berkata, konsep ke-

luarga di negara ini masih kekal iaitu terdiri daripada lelaki dan wanita serta anak-anak atau anak angkat, manakala perkahwinan sejenis tidak diiktiraf sebagai keluarga.

Sementara itu, Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad berkata kenyataan Perdana Menteri jelas menunjukkan pendirian negara berhubung isu berkenaan.

“Saya amat mengalaukan pendirian tegas tersebut kerana ia datang daripada orang nombor satu negara sekali gus menunjukkan pendirian negara berhubung isu berkenaan. Secara tidak langsung pandangan tersebut boleh disifatkan sebagai pandangan rasmi.

“Dalam pada itu, ia juga menunjukkan komitmen tegas Perdana Menteri dalam mempertahankan tradisi dan tamadun yang mencerminkan identiti bangsa negara ini,” katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Beliau menjelaskan mungkin di tempat lain perkara tersebut boleh diperjuangkan tetapi ia sama sekali bercanggah dengan sistem nilai di negara ini. Ia sama sekali tidak dapat diterima.

Zaid berpendapat sistem agama dan budaya di manapun sahaja kemungkinan besar tidak menyokong dengan perkahwinan sejenis ini.



KEHEBATAN SEKEPING FOTO



REUTERS

SEBUAH pesawat terbang berlatarbelakangkan fenomena bulan penuh dirakam menghampiri Lapangan Terbang Heathrow untuk melakukan pendaratan di London, Britain kelmarin.